

Headline	Ahli entomologi peneroka dunia serangga		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	140,000
Page No	1,4	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	535 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,342
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,026



## Ahli entomologi peneroka dunia serangga

4

# Ahli entomologi peneroka dunia serangga

**E**NTOMOLOGI merupakan salah satu cabang kajian zoologi yang berkisar mengenai serangga, hubungannya dengan manusia dan alam sekitar. Secara kesetruhannya, terdapat sejumlah 1.3 juta spesies serangga yang telah dikenal pasti, menjadikan jumlahnya hampir dua pertiga daripada jumlah kesemua organisma hidup di muka bumi. Sebahagian daripada keluarga serangga ini mempunyai sejarah kewujudannya bermula seawal 400 juta tahun dahulu berdasarkan rekod fosil.

Antara keperluan asas kelayakan bidang ini adalah termasuk ke program pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekologi dan Biodiversiti.

"Untuk program pengajian yang ditawarkan di Universiti Malaya (UM) contohnya, pemohon mestilah lulus pengajian peringkat matrikulasi atau STPM dengan PNCG minima 3.0, atau yang setaraf dengannya. Selain itu, terdapat juga keperluan tambahan untuk lulus sekurang-kurangnya B di dalam subjek Biologi, dan Band 2 di dalam MUET," kata Pensyarah Kanan, Dr. Zubaidah Ya'cob dari Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC), UM.

Menurut Dr. Zubaidah, terdapat dua kategori hala tuju untuk seseorang yang ingin memulakan kerjaya di dalam bidang entomologi.

"Dengan kelulusan ijazah sarjana muda, graduan boleh memilih untuk menjawat jawatan Ahli Kaji Serangga di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, atau pembantu penyelidik di universiti, dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti



MIKROSKOP merupakan alat terpenting dalam kerjaya seorang ahli entomologi.



ZUBAIDAH

Malaysian Nature Society (MNS) dan World Wildlife Foundation (WWF).

"Selain itu, mereka juga berpeluang untuk menjadi pegawai entomologi di syarikat-syarikat swasta yang berkecimpung dalam aktiviti kawalan vektor (*vector control*) atau perlindungan tanaman (*crop protection*). Kerjaya sebagai pegawai penyelidik di institusi-institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) juga boleh diteroka graduan yang mementingkan entomologi," katanya.

Lebih menarik, terdapat beberapa laluan kerjaya unik untuk mereka yang mementingkan dunia serangga ini.


"Mereka boleh cuba untuk menjadi

kurator muzium tempatan atau antarabangsa, atau perunding di syarikat swasta yang berkaitan dalam bidang penilaian impak alam sekitar (EIA). Untuk yang menggemari cabaran, mereka boleh menceburi bidang perniagaan cenderamata dan barangan hiasan berasaskan serangga, seperti rama-rama dan serangga eksotik yang lain," kata Dr. Zubaidah lagi.

Bagi mereka yang mempunyai kelulusan pascasarjana, mereka boleh meneruskan kerjaya sebagai pensyarah atau penyelidik sepenuh masa di universiti.

Sebagai seorang ahli entomologi, kemahiran dan ilmu yang diperolehi bukan sahaja boleh digunakan secara langsung di dalam kerjaya yang dipilih, namun turut digunakan untuk perkara lain.

Pakar entomologi bukan sahaja mampu menawarkan khidmat perundingan kepada pihak dan agensi



SERANGGA yang menyerupai daun merupakan antara serangga menarik yang dikaji ahli entomologi - GAMBAR HIASAN

yang memerlukan, malah mampu mengambil bahagian di dalam penggubalan polisi-polisi kerajaan yang berkaitan alam sekitar. Ilmu entomologi juga diperlukan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bidang pengajian yang lain, seperti epidemiologi, immunologi, parasitologi, bioteknologi, dan bioinformatik.

"Secara peribadi, bidang entomologi secara tidak langsung turut saya jadikan sebagai terapi diri. Apabila saban hari kita bekerja dengan pelbagai bentuk serangga, dan mendalami kejadian serangga secara spesifik, kita mampu melihat kesempurnaan kejadian Tuhan secara dekat.

"Setiap pembinaan organ serangga, walaupun bersaiz kecil tetapi sangat kompleks dan sempurna penciptaannya, pasti membuka mata sesiapa saja yang melihatnya untuk lebih bersyukur dengan setiap anugerah di dalam kehidupan," kata Dr. Zubaidah.